




NADI NEGARAKU



PRESTASI KUKUH LTAT: KADAR BAYARAN DIVIDEN DAN BONUS KHAS




Dividen Yang Dikreditkan Dalam Akaun Pencarum

Bonus Khas Dalam Bentuk Unit Amanah Saham Yang Dibeli Oleh LTAT Bagi Pihak Pencarum

Jumlah

PENGELUARAN CARUMAN TAMAT PERKHIDMATAN



Sejak ditubuhkan 44 tahun lalu, LTAT merekodkan pulangan dividen dan bonus setiap tahun pada kadar purata

11.3%

Pada tahun 2016, pencarum-pencarum yang layak menerima dividen dan bonus pada kadar 12% dengan jumlah pembayaran sebanyak **RM685.5 juta**

Dividen dan bonus konsisten untuk pencarum

LTAT jamin pulangan terbaik

R AKYAT di negara ini telah menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos dan bakal menyambut Hari Malaysia pada 16 September ini. Bagi warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM), hari tersebut merupakan hari paling bermakna kerana mereka turut akan menyambut Hari Ulang Tahun ATM.

Sejak penubuhannya 84 tahun lalu, warga ATM telah banyak berkobaran demi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin.

Sehubungan itu, kebijakan ang-

gota ATM selayaknya diberi keutamaan agar benteng pertahanan negara terus utuh dan kuat.

Antara entiti yang memainkan peranan penting dalam memastikan kebijakan anggota dan veteren ATM terjaga ialah Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

LTAT merupakan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) yang dipertanggungjawabkan menurut dan menguruskan wang simpanan anggota ATM yang sedang berkhidmat.

LTAT berperanan dalam men-

gadakan faedah-faedah pesaraan untuk pegawai serta anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan satu skim simpanan untuk Anggota Kerahan Angkatan Sukarela berjaya membuka akses kepada warga ATM untuk memiliki masa depan yang cerah.

Wang simpanan ahli dilabur secara strategik dan berhemah untuk menjana pulangan yang sebaiknya.

Sejak ditubuhkan 44 tahun lalu, LTAT telah merekodkan pulangan dividen dan bonus pada kadar purata 11.3 peratus setiap tahun.

Pada tahun lalu, pencarum-pencarum yang layak telah menerima dividen dan bonus pada kadar 12 peratus dengan jumlah pembayaran sebanyak RM685.5 juta.

Dividen itu merangkumi dividen biasa sebanyak enam peratus dan bonus khas sebanyak enam peratus dalam bentuk unit amanah bagi ahli yang aktif.

LTAT telah mengisyitarkan pemberian Bonus Khas dalam bentuk unit-unit amanah saham yang dibeli oleh LTAT bagi pihak pencarum yang aktif mulai tahun

1996 sebagai satu faedah kepada pencarum-pencarum yang layak.

Secara purata, kadar 12 peratus tersebut adalah lebih tinggi berbanding purata kadar dividen dan bonus semenjak LTAT ditubuhkan.

Dividen dan bonus itu diisytiharkan berdasarkan pendapatan LTAT berjumlah RM811.0 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 yang telah meningkat sebanyak RM44.2 juta berbanding RM766.8 juta pada tahun sebelumnya.

Caruman di LTAT adalah merupakan simpanan yang bertujuan un-

tuk membantu anggota ATM semasa persaraan. LTAT menyediakan beberapa kemudahan pengeluaran untuk pencarumnya. Kemudahan-kemudahan pengeluaran ini adalah terdiri daripada pengeluaran caruman tamat perkhidmatan, skim pengeluaran perumahan dan skim faedah kematian dan hilang upaya.

Di bawah skim pengeluaran caruman tamat perkhidmatan, bayaran kepada pencarum dibuat 24 jam selepas menerima dokumen tamat perkhidmatan daripada Kementerian Pertahanan.



NADIAH BATRISYA ABDUL AZIZ (kanan) dan Muhamad Shahru Shahmi Jaafar mendengar penerangan mengenai bayaran skim Tabung Angkatan Tentera oleh pegawai bertugas di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Kebajikan keluarga anggota ATM tetap dijaga

BAGI Nadiah Batrisya Abd. Aziz, 19, mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM), wang Faedah Kematian yang diterimanya daripada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) selepas kematian bapanya, Julai tahun lalu memberi makna yang besar dalam hidupnya.

Nadiah Batrisya berkata, bapanya Mejar Abd. Aziz Ismail yang bertugas di Kem Tentera Syed Sirajudin Gemas, Negeri Sembilan meninggal dunia secara mengejut ketika masih dalam perkhidmatan.

"Ayah hanya mengalami demam biasa sebelum dimasukkan ke hospital selama dua malam sebelum mengembuskan nafas terakhir," ujar pelajar tahun dua jurusan perakaunan di UiTM cawangan Perak.

Bercerita lanjut, Nadiah yang juga merupakan anak sulung daripada dua beradik akan menggunakan sebaik mungkin 'hadiah' peninggalan bapa itu untuk kegunaan pembelajaran dan sebagai simpanan masa depan.

Katanya lagi, wang faedah kematian tersebut dapat meringankan beban keluarga.

Sementara itu, bagi Prebet Muhamad

Shahrul Shahmi Jaafar, 25, yang menerima Skim Faedah Hilang Upaya akibat masalah kesihatan yang dialami tidak kecemasan terpaksa meninggalkan dunia ketenteraan sebaliknya berbangga kerana citacita untuk menjadi wira tercapai.

"Memang sejak kecil saya bercita-cita menjadi seorang tentera, walaupun kini terpaksa meninggalkan kerjaya idaman ini namun rasa puas dapat berbakti kepada negara selama tujuh tahun dalam perkhidmatan," ujarnya.

Dia yang berkhidmat di Kem Sri Kinabatangan, Sandakan, Sabah sebelum ini ditugaskan di unit senjata, namun masalah penglibatan yang serius di dalam menyebabkan dia terpaksa ditukarkan ke unit pentadbiran kem yang sama.

Shahrul yang tamat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) di Port Dickson, Negeri Sembilan pada tahun 2011 mula mengesan penyakit genetik itu selepas dua tahun dalam perkhidmatan.

"Namun selepas lima tahun menerima rawatan kapur, saya terpaksa akur dengan ketentuan yang memerlukan saya berhenti dalam perkhidmatan kerana masalah kesihatan," ujar anak kelahiran Alor Setar, Kedah.

Dia yang kini bekerja di sebuah bengkel di Petaling Jaya merancang menggunakan wang yang diterima untuk membuka bengkel sendiri dan kegunaan masa depan.

Katanya lagi, wang faedah kematian tersebut dapat meringankan beban keluarga.

Sementara itu, bagi Prebet Muhamad

Skim faedah kematian dan hilang upaya

LTAT memang teguh amanah dan mandat untuk menerima dan menguruskan wang simpanan anggota ATM yang berkhidmat. Pulangan dividen dan bonus dibayar kepada pencarum sebaik sahaja mereka menamatkan perkhidmatan bersama-sama.

Keuntungan LTAT juga digunakan untuk membantu Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya. Inisiatif tersebut dilaksanakan atas dasar penghargaan dan penghormatan kepada ahli-ahli ATM yang telah banyak berjasa demi

keselamatan serta kesejahteraan negara.

Anggota yang kehilangan upaya dari segi fizikal atau tubuh badan layak menerima bantuan di bawah skim ini. Faedah yang diberi LTAT itu bertujuan meringankan beban pencarum dan waris mereka bagi menjalani kehidupan selepas berlakunya sesuatu kematian atau kecacatan.

Sehingga kini, LTAT telah membayar RM107.6 juta kepada 5,876 pencarum atau warisnya dibawah skim tersebut.

Petunjuk prestasi utama

LTAT dalam pengurusan dananya telah menerima Sijil Audit Bersih daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera selama 17 tahun berturut-turut dari tahun 2000 hingga tahun 2016.

LTAT juga mendapat kedudukan tertinggi daripada 38 buah Badan-Badan Berkiran Persekutuan yang dinilai oleh Jabatan Audit Negara di

bawah kategori prestasi Pengurusan Kewangan bagi tahun 2016.

Pengiktirafan-pengiktirafan itu diterima hasil daripada komitmen sepenuhnya Lembaga Penggarah dan Pengurusan LTAT dalam memastikan piawaian urus tadbir korporat yang paling tinggi dan efektif dalam pelaksanaan tanggungjawabnya mengendalikan aset dan mentadbir wang.



Sumbangan untuk pembinaan 1,860 unit rumah mampu milik di Bukit Jalil, Mutiara Rini, Johor, Damansara, Selangor.

Bagi tahun 2016, LTAT telah memproses permohonan pengeluaran caruman berjumlah RM1.7 bilion daripada 11,179 pencarum yang tamat perkhidmatan.

DATUK SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN Menteri Pertahanan





Wira-wira negara,
jasamu disanjung
pengorbananmu
dihargai

NADI NEGARAKU



Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM (SPM-UV-ATM)

- SPM-UV-ATM dilancarkan pada 15 Disember 2012.
- Bertujuan membantu usahawan veteran ATM melonjakkan perniagaan sekaligus memperkasa sosiokonomi golongan itu.
- Veteran ATM disediakan kemudahan pinjaman sehingga RM50,000 tanpa faedah.
- Kemudahan memulakan atau mengembangkan perniagaan.
- TEKUN Nasional sebagai agensi pelaksana.
- Sejak 2012-2016, 1,644 usahawan veteran ATM mendapat pembiayaan.
- Nilai keseluruhan skim ini berjumlah RM29.7 juta.
- Setakat Jan-April 2017, 108 veteran terima pembiayaan RM1.97 juta.

INFO

Program Pembangunan Vendor

Melalui LTAT, Perbadanan dan Kumpulan syarikat LTAT menawarkan peluang sebagai pengarah syarikat, usahawan, kontraktor dan vendor kepada pegawai dan anggota-anggota ATM yang telah bersara.

Nilai kontrak RM102.4 juta

Melibatkan 41 vendor dalam tempoh 2012 - 2016

LATIHAN PERALIHAN

- 60 kursus disediakan
- Tempoh 6 - 18 bulan
- Mendapat pengiktirafan industri serta badan-badan pentaulahan
- Kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Suruhanjaya Tenaga dan Kementerian Kesihatan Malaysia



- Antara kursus yang ditawarkan:
 - Pengajian Pengurusan
 - Kejuruteraan Automotif
 - Binaan Bangunan & Kejuruteraan
 - Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
 - Media & ICT
 - Pengurusan Makanan & Sajian
 - Pengurusan Pelancongan & Perhotelan

Menyesuaikan diri warga ATM dengan corak penghidupan baharu



- Melatih lebih daripada 68 fasilitator perniagaan dan mentor
- Merupakan usahawan veteran ATM dan tenaga pengajar PERHEBAT
- Bimbing usahawan dari aspek pemasaran dan peluang perniagaan

PERHEBAT sediakan kerjaya bakal pesara



PERHEBAT

APABILA seseorang anggota tentera akan menamatkan perkhidmatan, perkara utama yang paling dikehendaki mereka adalah bagaimana hendak meruska kelangsungan hidup mereka dalam kehidupan baharu.

Ini kerana selama ini, pengetahuan dan pengalaman mereka hanya tertumpu bagaimana hendak menjadi seorang pejuang terbaik bagi melindungi negara termula dari aspek peperangan.

Sehubungan itu, LTAT telah menubuhkan PERHEBAT pada 25 Ogos 1994 untuk melaksanakan pelbagai program penggalakan

latihan kemahiran untuk bakal pesara dan bekas anggota angkatan tentera.

Bagi tujuan ini, PERHEBAT me-

nerima geran tahunan sebanyak RM27.4 juta setahun daripada kerajaan untuk mengadakan program-program latihan kemahiran teknikal dan bukan teknikal.

Sejak 1994, PERHEBAT telah melatih sejumlah 217,368 veteran ATM dalam pelbagai bidang kursus untuk pembangunan kerjaya kedua mereka setelah tamat perkhidmatan.

Latihan Peralihan adalah program khas yang disediakan kerajaan kepada anggota ATM yang bakal merentas dunia dalam perkhidmatan.


Ia bertujuan mempertingkatkan kemahiran dan pengalaman mereka agar dapat menyesuaikan

diri dengan corak penghidupan baharu selepas tamat perkhidmatan, seterusnya berjaya memperoleh kerjaya kedua.

Terdapat tiga fasa Latihan Peralihan iaitu Pra-Latihan Peralihan, Latihan Peralihan dan Pasca Latihan Peralihan.

Latihan Peralihan bukan sahaja diadakan di Kompleks PERHEBAT malah di agensi latihan awam dan swasta yang terlibat dalam penyediaan kursus Latihan Peralihan ini termasuklah Institusi Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Giat MARA (PGM) dan Institut Kemahiran MARA (IKM).

KEJAYAAN PELATIH



Kapten Norisham Kadmin (B)

- Kursus Pengajian Pengurusan Perniagaan
- Bidang pembuatan pakaian
- Memulakan perniagaan dengan modal RM500
- Kemudiannya dapat pembiayaan RM100,000 (PERHEBAT/TEKUN)
- Kini menghasilkan produk jenama pakaian UA Butik



Sarjan Zainuddin Idris (B)

- Kursus Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- Bidang elektronik
- Produk keluaran: kotak suis utama kawal tenaga elektrik dan panel kawalan
- Dipasarkan di Thailand, Australia dan Sri Lanka
- Pembekal utama kepada Bigdutchman, syarikat perludangan di Jerman



Mejar Ir. Chew Huat Chiang (B)

- Kursus Kejuruteraan Automotif
- Bidang perniagaan: Hooklift/Arm Roll (lori)
- Produk dieksport sehingga ke Singapura, Panama, Brazil dan Colombia



PW 2 Honekil Bin Metol @ Zalee Bin Betong (B)

- Kursus Pertanian
- Bidang perniagaan: Pertanian / Homestay
- Jalankan perniagaan berdasarkan pertanian dan homestay di pusat peranginan Kundasang, Sabah
- Antara produk pertanian keluarannya seperti brokoli dan tomat
- Memiliki 3 buah homestay di Sabah

Kepentingan sumbangan pesara ATM kepada ekonomi negara

SUMBANGAN pesara atau veteren tentera sememangnya sangat penting kepada negara walaupun mereka tidak lagi bersama dengan perkhidmatan beruniform tersebut.

Ini kerana kebanyakan daripada mereka masih dalam keadaan yang sihat dan berkemampuan menyumbangkan fikiran dan tenaga dalam pelbagai sektor ekonomi negara.

Atas faktor tersebut, PERHEBAT menjadi sandaran kerajaan untuk memastikan bakal-bakal pesara ini berupaya memasuki bidang-bidang diminati dan seterusnya menjadi sebahagian daripada ahli masyarakat yang produktif.

Sehingga kini, lebih 217,000 anggota ATM telah berjaya dilatih melalui PERHEBAT dan peningkatan bilangan usahawan yang dilahirkan adalah satu indikator positif kepada usaha agensi itu.

Ini menunjukkan PERHEBAT selari dengan misi utamanya iaitu komited untuk membentuk kapasiti modal insan yang tinggi dan berkemahiran secara eksklusif dan menjadi satu usaha serta pelaburan jangka panjang yang terbaik bagi negara.

Dengan adanya program se-



begini, veteran ATM dan anggota ATM yang bakal bersara dapat menggunakan kemahiran yang diperoleh untuk menguruskan kerjaya masing-masing selepas tamat perkhidmatan.

Peranan PERHEBAT dalam menyediakan latihan kepada ba-

kal pesara dan pesara tentera adalah sangat penting dan kritis kerana golongan ini merupakan golongan yang masih produktif tenaganya dan merupakan satu sumber yang masih boleh menyumbang kepada tunjung ekonomi negara.

Skuad Operasi Sihat Kumpulan Boustead

SKUAD Operasi Sihat (SOS) Kumpulan Boustead (ahli Kumpulan LTAT) merupakan satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di mana objektif utamanya adalah untuk memberi pemerkasaan kesihatan asas secara percuma serta memupuk kesedaran tentang pentingnya menjaga kesihatan kepada masyarakat. Antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah ujian tekanan darah, ujian glukosa darah, ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) serta khidmat kaunseling.

SOS Boustead juga bekerjasama dengan anak syarikatnya seperti BPetrol dan BHIC untuk menjalankan pelbagai program CSR seperti gotong-royong, penurukan minyak hitam untuk motosikal dan lain-lain. Antara salah satu program yang baru dijalankan ialah pemeriksaan kesihatan di SK Si Rusa, Port Dickson pada 12 Ogos 2017, bersama-sama dengan Hari Usahawan seolah tersbeut. Program yang berlangsung selama setengah hari ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan seramai 140 orang telah menerima ujian kesihatan secara percuma.



PERHEBAT diiktiraf dunia

TENAGA pengajar PERHEBAT turut mendapat pengiktirafan industri antarabangsa apabila diundang sebagai Pakar Negara dan Juri buat kali kelima di World Skills Competition (WSC) yang akan berlangsung di Abu Dhabi, Oktober 2017.

Penyertaan Pengajar PERHEBAT di pertandingan kemahiran berkelas dunia itu bermula sejak tahun 2000 di Helsinki, Finland.

Tiga pengajar yang pernah menyertai WSC ialah Kamarul Bahar Abd Rahim, Nor Azhar

Mohd Lazim dan Sharom Ghazali. Penyertaan mereka turut mendapat sokongan daripada Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kerja Raya.

Kamarul Bahar dan Nor Azhar merupakan Ketua Pakar di ASEAN Skills Competition sebanyak enam kali pengjurianannya di Vietnam, Thailand dan Indonesia.

Ketiga-tiga mereka mewakili Malaysia sebagai Pakar Negara dan Juri WSC dalam bidang Penjukungkuan dan Penyamanan Udara dan Bricklaying.



*Wira-wira negara,
jasamu disanjung
pengorbananmu
dihargai*

NADI NEGARAKU



KOMITMEN LTAT BUKAN SEKADAR PULANGAN DIVIDEN DAN BONUS TAHUNAN

Sumbangan besar LTAT bantu kecemerlangan

MEMILIKI empat cahaya mata yang cemerlang dalam akademik merupakan anugerah terindah buat pasangan suami isteri, Leftenan Kolonel Mohd. Zukifli Ali dan Noor Haslinda Md. Hasim.

Usaha suami isteri itu bermula sejak anak sulungnya, Nur Ainin Sofia Mohd. Zukifli memasuki usia lima tahun dan diteruskan terhadap tiga anaknya yang lain dengan menetapkan waktu melaah pelajaran dari pukul 8 malam hingga 10 malam, setiap hari termasuk cuti sekolah.

Kini, kedua mereka boleh menarik nafas lega apabila anaknya itu berjaya memperoleh keputusan 8A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu dan kini melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dengkil dalam pengajian Asasi Undang-Undang.

Manakala, anak keduanya, Isandar Zulqarnain, 17, dan bong-



su, Iman Zulhageem, 13, kini berada di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Kubu Bharu manakala anak ketiganya, Nur Ain Sofena Mohd. Zukifli, 16, di Sekolah Tun Fatimah, Johor.

"Selain usaha keras kami sebagai ibu bapa menyokong anak-anak untuk berjaya dalam pelajaran

jaran, saya percaya sumbangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) turut memainkan peranan yang cukup besar dalam kejayaan mereka selepas ini."

"Imbuhan dan insentif yang diberi oleh LTAT dan pelbagai kemudahan lain yang disediakan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), sebenarnya ia boleh meringankan beban kewangan ibu bapa kerana ia mencukupi untuk membayar yuran sekolah atau asrama serta membeli beberapa keperluan lain seperti buku dan alat tulis," katanya.

Beliau ditemui ketika menyaksikan dua anaknya, Nur Ainin Sofia, 18, dan Nur Ain Sofena menerima Anugerah Kecemerlangan Pendidikan ATM Kali Ke-27 di Wisma Perwira, Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak.

Sementara itu, adik-beradik, Nur Ainin Sofia dan Nur Ain Sofena berkata, tidak pernah sedikit pun rasa terbeban atau tertekan

dengan cara didikan kedua orang tuanya itu malah menyifatkan kaedah tersebut banyak membantu mereka cemerlang dalam pelajaran.

"Ibu kami meletakkan harapan yang tinggi pada kami empat beradik sejak dahulu lagi dan perkara ini membakar semangat untuk kami berusaha keras setiap hari," jelas Nur Ainin Sofia yang juga bekas pelajar Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan.

Dalam pada itu, Nur Ain Sofena yang berjaya meraih 11A dalam PT3 tahun lalu memberitahu, kaedah dia mengingati pelajaran agak unik kerana kesemuanya buku dan notanya penuh dengan tanda *highlighter*.

"Memang banyak *highlighter* yang terpaksa digunakan tetapi saya mendapat itulah cara untuk saya lebih mengingati nota penting, selain membaca dan membuat latihan sambil mendengar muzik," katanya.



NURAININ SOFIA (dua dari kiri) bersama adiknya, Nur Ain Sofena serta ibu bapa mereka, Leftenan Kolonel Mohd Zukifli Ali dan Noor Haslinda Md. Hasim.



MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (tengah) bergambar bersama penerima-penerima Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Angkatan Tentera Malaysia Ke-27 di Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur.

info Anugerah Kecemerlangan Pendidikan ATM Ke-27

- Mula diperkenalkan pada tahun 1991.
- Sebagai galakan atau insentif kepada anak-anak anggota ATM.
- Pada tahun ini, 307 anak anggota, pegawai dan veteran ATM terpilih.
- 341 orang cemerlang dalam Pentaksiran Peperiksaan Tingkatan 3 (PT3).
- 165 orang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- 101 orang menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT).
- Kesemua menerima sijil dan wang tunai RM800 bagi PT3, RM1,500 (SPM) dan RM1,000 ke IPT.
- LTAT tanggung kos keseluruhan melibatkan peruntukan sebanyak RM516,200.

Dua anak warga ATM cemerlang dalam PT3 kongsi cara belajar

BELAJAR hanya di sekolah. Begitulah case Nur Aina Syaqina Abd. Jamil Khair menelaah pelajaran hingga berjaya meraih keputusan cemerlang 11A dalam Pentaksiran Peperiksaan Tingkatan 3 (PT3), tahun lalu.

Menurut pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor itu, dia tidak pernah menyeka sebarang aktiviti yang ingin dilakukan ketika pulang ke rumah pada hujung minggu kerana waktu itu adalah peluang untuknya bermesra dengan keluarga dan adik-beradik selain berhibur bersama kawan-kawan.

"Mungkin cara saya belajar ini tidak sama seperti rakan-rakan yang lain tetapi saya percaya masing-masing ada kaedah tersendiri dan ia tidak boleh dipaksakan."

Nur Aina Syaqina antara 607 anak warga tentera yang menerima sijil dan wang tunai RM1,500 dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan ATM Kali Ke-27.



AINA SYAQINA bersama bapanya, Leftenan Kolonel Jamil Khair Mohamad.



MUHAMMAD IMAN ISKANDAR bersama ibu bapanya, Pegawai Waran 1, Bahaman Abu Zarin dan Maria Mat Aris.

Sementara itu, bapanya, Leftenan Kolonel Abd. Jamil Khair Mohamad yang kini berkhidmat di Markas 11 Briged Kem Sungai Buloh berkata, biasiswa yang diberi oleh Lembaga Tabung

Angkatan Tentera (LTAT) banyak membantu pendidikan anaknya.

Katanya, meskipun peranan utama LTAT adalah untuk membantu anggota dan pegawai tentera bersara tetapi organisasi pe-

ngurusan dana itu tidak pernah memenggiringkan aspek lain bagi meringankan beban warga tentera.

"Banyak sebenarnya sumbangan LTAT terhadap anak-anak

anggota ATM terutama dalam bidang pendidikan seperti kemudahan biasiswa dan insentif apabila meraih keputusan cemerlang," ujarnya.

Seorang lagi pelajar cemerlang

yang menerima insentif daripada LTAT, Muhamad Iman Iskandar Bahaman berkata, minatnya bermain pelbagai alatan muzik seperti piano, gitar, gamelan dan cak lempung tidak menghalang langkahnya memperoleh keputusan 9A dalam PT3 tahun lalu.

Bekas pelajar MRSM Terendak, Melaka, ini memberitahu, dia juga seperti orang lain yang mempunyai kelelahan dalam sesetengah mata pelajaran tetapi dia tidak pernah berputus asa untuk berusaha menguasainya semula.

Bapanya, Pegawai Waran 1, Bahaman Abu Zarin berkata, kesibukan yang sentiasa bekerja di luar kawasan setiap minggu bukan halangan untuk dua anaknya cemerlang dalam akademik.

"Apabila terlalu sibuk, saya kurang mempunyai masa untuk mengunjungi anak tetapi Alhamdulillah biasiswa yang diberikan LTAT kepada anak saya sejak dia di sekolah rendah hingga hari ini banyak membantu," katanya.

Kebajikan keluarga turut dapat perhatian Yayasan LTAT

KEJAYAAN dan kebahagiaan seorang sudah tentu bergantung rapat kepada keadaan keluarga. Kedua-dua itu tidak terkecuali kepada anggota ATM sama ada ketika mereka masih berkhidmat atau bersara.

Sehubungan itu, peranan LTAT tidak terhad kepada membantu ahli-ahli ATM sahaja malah diperlukan dan disampaikan juga kepada ahli keluarga mereka.

Sehingga kini, LTAT dan anak syarikat kumpulannya serta Yayasan LTAT telah menyumbang sebanyak RM409 juta untuk membantu pelbagai program biasiswa dan kebajikan lain kepada lebih 131,600 warga ATM yang masih berkhidmat dan telah bersara serta ahli keluarga mereka.

LTAT jelas memperakui bahawa bidang pendidikan merupakan aspek yang sangat penting terutama sekali anak-anak muda yang merupakan pemimpin negara pada masa hadapan.

Hal ini jelas diberi tumpuan oleh LTAT dan pelbagai biasiswa diperkenan di bawah Yayasan LTAT untuk memberi kemudahan kepada anak-anak anggota ATM dan veteran mendapat pendidikan yang secukupnya.



Yayasan LTAT ditubuhkan

Kerjasama LTAT dengan Syarikat Kumpulan LTAT

2016

RM3.7j

Dibelanjakan

Biaya pelbagai program biasiswa dan Anugerah Kecemerlangan Pendidikan

Lihat

4,172

anak-anak anggota dan veteran ATM

Sumbangan pendidikan tinggi

LTAT melalui Yayasan LTAT juga telah membantu pembinaan sebuah bangunan asrama yang terletak di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kampus Gombak, Selangor dengan kos sebanyak RM5 juta.

Lembaga itu juga bercadang untuk membantu pembinaan sebuah lagi bangunan asrama di Universiti Teknologi Mara (UiTM), kampus Puncak Alam, Selangor dengan anggaran kos sebanyak RM6 juta.

Pendapatan seawaan bangu-

nan asrama ini akan digunakan bagi membantu program-program biasiswa khusus untuk pelajar yang layak dalam kalangan anak-anak warga tentera yang sedang berkhidmat dan telah bersara.

LTAT juga bersetuju untuk memperuntukkan RM1 juta untuk membantu program Chair For Leadership Study untuk pelajar-pelajar di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dari tahun 2016 sehingga 2018.

Membantu veteran tidak berpencen

BOUSTEAD Petroleum Marketing Sdn Bhd (BHPetrol) sebuah ahli Kumpulan LTAT/Boustead Holdings Bhd telah mengadakan rancangan Di Celah-celah Kehidupan bagi membantu bekas perajurit yang tidak berpencen (tidak menamatkan servis wajib 21 tahun) dan hidup daif.

Pihak RTM dan BHPetrol telah menjelajah ke seluruh pelosok negara termasuk Sabah dan Sarawak dalam menjelajah responden yang memerlukan bantuan. Pihak produksi DCC

telah dibantu oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) di dalam menjelajah bekas perajurit tersebut.

Bentuk sumbangan yang diberikan adalah berbentuk barang kegunaan harian (beras, gula dan lain-lain) dan wang ringgit, yang dimasukkan terus ke dalam akaun bank respon-

den melalui Affin Bank.

Affin Bank juga turut menyumbang bagi menambah jumlah yang diberikan oleh pi-

hak BHPetrol.



Wira-wira negara,
jasamu disanjung
pengorbananmu
dihargai

NADI NEGARAKU



KOMITMEN LTAT BUKAN SEKADAR PULANGAN DIVIDEN DAN BONUS TAHUNAN



Rumah anggota dan veteran ATM fokus PPHM

Perumahan jadi keutamaan



KEJAYAAN sebuah organisasi boleh ditentukan melalui keupayaan mereka dalam meletakkan keutamaan kepada ahlinya dalam mencapai kecemerlangan dalam bidang yang diceburi.

Begitu juga usaha Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang ditubuhkan sejak Ogos 1972 di bawah Akta Parlimen iaitu Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) berjaya merekodkan kejayaan salah satu menerusi anak syarikatnya, Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM).

PPHM yang ditubuhkan pada 1984 diam-diamkan untuk mengendalikan segala bentuk aktiviti perniagaan berhubung dengan pengambilan, pembelian, pemilikan, penyewaan, pemajakan, pembinaan, pembangunan dan penjualan harta selain turut mengambil bahagian dalam aktiviti perniagaan



PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA




berhubung perkhidmatan, penurusan dan pembentangan.

Secara amnya, perbadanan tersebut bertanggungjawab mengambil bahagian dalam sektor perumahan dan urusan senggarana harta bagi pihak LTAT. Bidang-bidang tersebut termasuk pembinaan dan kejuruteraan awam, khidmat pengurusan projek, pemaju perumahan, pengedaran bahan binaan, khidmat insurans serta khidmat mengurus dan menyelenggarakan bangunan.

Projek perumahan mampu milik LTAT merupakan bukti keprihatinan LTAT dalam memberi keselesaan hidup kepada anggota-anggota ATM dan veteran serta ahli keluarga mereka."

SENATOR LAKSAMANA TAN SRI MOHD. ANWAR MOHD. NOR (B)
Penggerusi LTAT



PROGRAM PERUMAHAN LTAT

SEDANG BINA

Taman LTAT, Bukit Jalil, Kuala Lumpur

• 2,000 unit rumah mampu milik

Bandar Segari, Perak

• 304 unit rumah mampu milik

SIAP DIBINA

Mutiara Rini, Johor

- 469 rumah kos rendah
- 149 rumah mampu milik
- 61 rumah kos sederhana

Taman LTAT Bukit Jalil

- 500 pangaspuri kos rendah
- 192 pangaspuri kos sederhana rendah
- 136 pangaspuri kos sederhana

Mutiara Damansara

- 247 pangaspuri kos rendah
- 117 pangaspuri kos sederhana rendah

Pangkalan Udara TUDM Subang

Pangkalan Udara TUDM Kuantan

Pangkalan Udara TUDM Sendayan

Pangkalan Udara TUDM Butterworth

Pangkalan Udara TUDM Gong Kedah

TUDM Subang NADOC

Kem Rejimen Artilleri DiRaja Kajang

Pangkalan Udara PDRM Subang

Pangkalan Udara PDRM Ipoh

PERNAMA bantu ringan kos sara hidup anggota



SEJAK dari awal penubuhannya, PERNAMA mencatatkan kenaikan keuntungan yang memberangsangkan dan memberi impak besar kepada kehidupan warga ATM.

PERNAMA ditubuhkan pada 7 Julai 1983 dengan mempunyai rangkaian kedai runcit di kemping tentera seluruh negara.

Ia menjalankan aktiviti perniagaan, peruncitan, pengedaran, pemborongan, import-eksport, sewa-beli pada kadar harga yang berpututan dan di bawah harga pasaran.

PERNAMA yang bermula dengan hanya sebuah kedai runcit biasa kini merangkumi pengurusan kompleks, pasar raya dan 'event management' dengan menggunakan kekuatan jaringan pembekalnya.

Penubuhan PERNAMA yang



PENUBUHAN PERNAMA berjaya mengurangkan bebanan kos sara hidup warga dan bekas anggota ATM melalui penjualan barang pada harga jauh lebih rendah dari pasaran luar.

menjadi salah satu mekanisme terpenting yang menyumbang kepada peningkatan keuntungan tabung LTAT sememangnya memberi impak yang besar ke-

pada taraf kehidupan anggota-anggota tentera dan veteran ATM dalam kehidupan sehari-hari.

Melalui peruncitan dan jualan barang pada harga mampu mi-

lik, kemudahan dan servis yang pelbagai dan juga latihan keusahawanan yang diberikannya, PERNAMA sememangnya segaris dengan tujuan asal penubuhannya.

Pembangunan usahawan

PERNAMA juga berjaya melahirkan usahawan di kalangan bakal pesara dan veteran ATM menerusi penubuhan Akademi Peruncitan PERNAMA bagi bidang kursus Peruncitan. Melalui inisiatif ini, latihan dan tunjuk ajar bagi mengendalikan kedai-kedai dan cawangan PERNAMA telah berjaya melatih seramai 1,526 bakal pesara ATM, dan daripada jumlah tersebut, seramai 515 orang berjaya menjadi usahawan dalam pelbagai bidang perniagaan pilihan mereka.

PERNAMA juga meneroka bi-

dang perniagaan yang boleh ditarawarkan kepada veteran yang layak terutama perniagaan francis.

Program kolaborasi perniagaan francis bersama 7-Eleven telah mentransformasi 47 orang veteran ATM menjadi usahawan bagi francis ini.

Seramai 2 orang veteran ATM pula diberi peluang menyelia stesen BP Petrol dengan matlamat utama, kedua-duanya kelak turut mengambil alih perniagaan tersebut sebagai pengusaha.

Di samping itu, PERNAMA juga menjalinkan kerjasama dengan

TESCO Malaysia dan Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu bagi membuka lebih banyak peluang perniagaan kedai runcit francis kepada bakal-bakal graduan PERHEBAT yang layak.

Bersama TESCO Malaysia, sebanyak 9 kedai serbaneka TESCO PERNAMA Express telah beroperasi. Manakala kerjasama dengan YPU Terengganu telah memperlihatkan kemajuan dengan pembukaan 3 cawangan Pasar Mini T-Mart iaitu 2 di Terengganu dan 1 di Kuala Lumpur. T-Mart merupakan sebuah pasar mini yang menjual

pelbagai barang runcit di samping turut memasarkan produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dari negeri Terengganu.

PERNAMA akan terus komited untuk memberikan khidmat terbaik dan cemerlang kepada seluruh warga ATM. Komitmen berterusan ini penting bagi memastikan warga ATM dan keluarga dapat menikmati segala prasarana dan perkhemahan yang disediakan dengan selesa dan ia secara tidak langsung akan membantu mewujudkan hubungan yang lebih akrab antara warga ATM dan PERNAMA.

HALA TUJU MINDEF 2017

TERAS KESIAGAAN

TERAS DIPLOMATI PERTAHANAN

TERAS KESELAMATAN

TERAS PLKN2.0

TERAS KEBAJIKAN

KEBAJIKAN WARGA ANGGOTA TENGERA DAN KELUARGA, PARA VETERAN DAN BEKAS-BEKAS PEJUANG NEGARA MELALUI PERUMAHAN, PENDIDIKAN, KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN HIDUP

Pembangunan kem antara kepakaran PPHM

ANTARA projek terkini Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) ialah Projek Perpindahan dan Pembinaan Semula Fasiliti Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL).

Ia merupakan projek penstrukturkan dan pembinaan semula kemudahan-kemudahan di Pangkalan Udara TUDM Sungai Besi di sembilan lokasi lain untuk membolehkan PUKL dibangunkan sebagai Bandar Malaysia.

Bermula pada 2013, PPHM ditawarkan kontrak oleh

1Malaysia Development Berhad (IMDB) untuk mereka bentuk, membina, melengkap dan melaksanakan kemudahan dan infrastruktur untuk kemudahan-kemudahan di Pangkalan Udara Diraja Malaysia (TUDM), Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Dalam tahun 2013 juga, PPHM telah dilantik oleh LTAT untuk melaksanakan pembinaan Rumah Keluarga untuk pegawai dan kakitangan di Jalan Cochrane, Kuala Lumpur.

Lokasi-lokasi kem yang terlibat



info

Sekilas PERNAMA

79

buah premis di seluruh Malaysia

5

buah stesen minyak

RM10.6 juta

subsidi dibelanjakan pada 2016 bagi pelaksanaan program Produk Prihatin PERNAMA

Peranan dan sumbangan

PERNAMA berperanan dalam usaha untuk membantu meringankan bebanan warga ATM dalam manajuri kenaikan harga barang-barang keperluan dan sebahagian lagi keuntungan PERNAMA dikembalikan kepada warga ATM melalui beberapa kemasan dan promosi khas pada sepanjang tahun seperti berikut:

- **Promosi 'Produk Prihatin'** - menawarkan barang pada harga bersubsidi dan di bawah kos sebenar kepada warga ATM.
- **Produk JOM RABU** khas untuk warga ATM diadakan pada setiap hari Rabu sepanjang tahun.

Produk-produk pilihan minggu dengan pemotongan harga di bawah kos dengan peruntukan RM5 juta.



Pendidikan

- SEBANYAK 2,647 anak-anak anggota ATM terlibat dengan 43 siri program pembelajaran yang diadakan terutamanya dalam subjek teras antaranya Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains dan juga Matematik.
- Keseluruhan program ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh para murid dan pelajar yang menduduki UPSR, PT3 dan juga SPM.